

**SOALAN NO: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM**  
**[SARATOK]**  
**TARIKH : 18 OKTOBER 2016**  
**SOALAN :**

**YB Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [Saratok]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit Zika dan orang yang disyaki menghidap penyakit Zika setakat ini. Mohon Kerajaan nyatakan juga apakah tindakan proaktif yang telah dan sedang diambil bagi membendung penyebaran penyakit ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, bahawa penyakit denggi, zika, dan chikungunya disebarkan oleh nyamuk yang sama iaitu nyamuk Aedes. Oleh itu prinsip-prinsip pencegahan dan kawalan ketiga-tiga penyakit juga adalah sama dengan matlamat yang sama itu mewujudkan persekitaran yang bebas dari pembiakan nyamuk Aedes. Tiada Aedes, tiada denggi, zika dan chikungunya.

Saya mulakan dahulu dengan status semasa denggi. Untuk tempoh sebulan iaitu dari minggu ke-37 hingga 40 (11 September hingga 8 Oktober 2016), terdapat tren penurunan kes denggi yang dilaporkan kepada 1,800 kes seminggu berbanding antara 2,000 hingga 2,500 kes seminggu bagi bulan Ogos dan awal September. Malah pada tahun ini, dari Januari hingga 8 Oktober 2016, jumlah kumulatif kes denggi adalah 84,774 kes, penurunan sebanyak 10% (9,290 kes) berbanding 94,064 kes bagi tempoh yang sama tahun 2015. Jumlah kematian denggi juga menurun kepada 190 kematian, berbanding 261 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2015, iaitu pengurangan sebanyak 71 kematian (27.2 %).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Seperti yang dinyatakan tadi, prinsip pencegahan dan kawalan penyakit zika adalah sama dengan penyakit denggi dan chikungunya. Oleh itu tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menangani denggi juga berkesan terhadap zika. Matlamat utama adalah mewujudkan persekitaran yang bebas Aedes. Dalam konteks ini, tumpuan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah kearah tanggungjawab dan penyertaan masyarakat dalam memastikan persekitaran yang bebas Aedes. Strategi ini adalah tepat dengan pengiktirafan dari Ketua Pengarah World Health Organization (WHO) sendiri, Dr Margaret Chan semasa berucap di Mesyuarat WHO Rantau Pasifik Barat di Manila baru-baru, apabila beliau memuji strategi Malaysia dan meminta negara anggota mengikuti contoh Malaysia dalam mengerakkan masyarakat bagi memerangi Aedes.

Usaha-usaha seperti gotong-royong dan penubuhan dan pengaktifan pasukan COMBI di kawasan perumahan, inisiatif denggi patrol di sekolah-sekolah, sukarelawan denggi di kalangan penuntut pusat pengajian tinggi bagi menggerakkan masyarakat, “the Dengue Free Malaysia Movement”, adalah antara contoh-contoh yang terus diperhebatkan. Peranan ketua-ketua dan pemimpin masyarakat termasuk ahli-ahli parlimen amatlah penting dalam memperkasakan masyarakat bagi mewujudkan persekitaran bebas Aedes. Sehingga Ogos 2016, telah terdapat 3,060 pasukan COMBI yang terlibat lebih dari 60,000 sukarelawan yang terdiri dari masyarakat.

Bagi memantau, menyelaras dan menentukan dasar tindakan pencegahan dan kawalan:-

1. Diperingkat kebangsaan, Pasukan Petugas Khas Peringkat Kementerian dan Agensi Pusat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan sendiri telah ditubuhkan sejak bulan Julai 2014. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap dua (2) minggu sekali dan turut dianggotai oleh KKM, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia serta lain-lain agensi seperti Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan wakil kerajaan negeri Selangor, untuk melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan mengikut bidang kuasa masing-masing;

2. Di peringkat negeri, Pasukan Petugas Khas ini dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar atau Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Exco Kesihatan atau Setiausaha Kerajaan Negeri; dan
3. Jawatankuasa Wabak peringkat daerah pula dipengerusikan oleh Pegawai Daerah bagi melaksanakan tindakan setempat oleh pelbagai jabatan.

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi menyokong aktiviti utama pemusnahan tempat pembiakan, KKM dan Pihak Berkuasa Tempatan akan menjalankan aktiviti kawalan nyamuk dengan menggunakan pelbagai kaedah yang ditambah baik dari masa kesemasa. Antaranya,

1. Memperluaskan aktiviti semburan bahan kimia konvensional yang hanya membunuh nyamuk dewasa kepada bahan kimia yang boleh membunuh nyamuk dewasa dan jentik-jentik seperti Abate 500 bagi semburan di luar rumah. Bahan biologi seperti *Bacillus thuriangiensis* turut digunakan;
2. Kaedah baru menggunakan teknik semburan residual di dinding luar rumah (*Outdoor Residual Spray*, ORS) turut diperkenalkan terutama di bangunan rumah pangsa di lokaliti hotspot; dan

3. Terbaharu, cat bersadurkan insektisid telah diluluskan oleh Lembaga Racun untuk kegunaan pihak awam dan Kementerian berharap orang ramai dan institusi seperti bangunan kerajaan dan sekolah akan mula menggunakannya yang mempunyai kesan residu selama dua (2) tahun, bergantung kepada perawis aktif insektisid dalam cat tersebut.

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi menjamin persekitaran yang bebas Aedes, KKM dan agensi kerajaan berkaitan turut memberi perhatian yang khusus kepada tapak-tapak pembinaan dan lot-lot tanah kosong yang terbukti antara penyumbang besar kepada pembiakan Aedes. Di sini KKM mengambil pendirian tegas dalam penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit termasuk peringtah penutupan premis dan pendakwaan di mahkamah.

Hasil dari semua usaha bersepadu ini telah menunjukkan kesan yang positif di mana tren penyakit dan kematian denggi telah menunjukkan tren penurunan seperti yang telah saya nyatakan di awal ucapan saya tadi. Untuk jangkamasa panjang, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) sedang giat menjalankan penyelidikan bagi mencari kaedah yang lebih berinovasi seperti sistem ramalan wabak yang lebih tepat dan kaedah kawalan nyamuk vektor yang lebih berkesan. Antaranya ialah menggunakan kaedah *Sterile Insect Technique* yang boleh mengurangkan kemampuan nyamuk betina untuk menghasilkan telur yang produktif, bakteria *Wolbachia* yang boleh mengurangkan populasi nyamuk Aedes dan racun serangga yang